RAMAN SHUNMUGHAM lwn. PP A

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
MOHTARUDIN BAKI HMR
VERNON ONG LAM KIAT HMR
KAMARDIN HASHIM HMR
[PERMOHONAN JENAYAH NO: B-05-307-06-2018] B
17 JULAI 2019

PROSEDUR JENAYAH: *Jaminan – Permohonan – Kesalahan tidak boleh dijamin – Pemohon dituduh melakukan kesalahan bawah s. 130V(1) Kanun Keseksaan – Permohonan perintah pelepasan dengan jaminan atas faktor kesihatan – Kuasa budi bicara mahkamah membenarkan jaminan untuk kesalahan tidak boleh dijamin – Sama ada pemohon berisiko melarikan diri atau akan mengganggu saksi-saksi jika dibebaskan atas jaminan – Sama ada pemohon wajar diberi jaminan – Kanun Tatacara Jenayah, ss. 388 & 389 – Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, s. 13(2)(c)* C D

Pemohon asalnya dituduh di Mahkamah Sesyen dan ditahan reman berikutan pelakuan kesalahan bawah s. 130V(1) Kanun Keseksaan, satu kesalahan yang tidak boleh dijamin. Apabila pertuduhan terhadapnya dipindahkan ke Mahkamah Tinggi untuk perbicaraan, pemohon memohon perintah agar dia dilepaskan dengan jaminan bawah ss. 388 dan 389 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') dan s. 13 Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 ('SOSMA') sementara menunggu perbicaraan. Pemohon mengemukakan faktor kesihatan demi menyokong permohonannya dengan menghujahkan (i) dia penghidap penyakit kencing manis kronik dan darah tinggi selain masalah kesihatan lain; (ii) sebelum ditangkap oleh polis, pemohon sedang menerima rawatan di Hospital Tung Shin; (iii) semasa ditahan reman, penyakit kencing manisnya bertambah teruk hingga kaki kirinya terpaksa dipotong pada paras atas pergelangan lutut; (iv) rawatan perubatan yang diterimanya ketika dalam tahanan reman tidak setara dengan rawatan Hospital Tung Shin; dan (v) keadaan dalam bilik tahanan penjara menyebabkan penyakitnya bertambah teruk. Membantah permohonan pemohon, responden menghujahkan (i) pertuduhan terhadap pemohon adalah satu kesalahan yang tidak boleh dijamin bawah s. 13 SOSMA; (ii) pemohon tidak pernah memfailkan permohonan bawah s. 13(2)(c) SOSMA; dan (iii) pemohon gagal membuktikan dia seorang yang tergolong bawah 'sick or infirm person'. Mahkamah Tinggi menolak permohonan pemohon. Maka timbul rayuan ini oleh pemohon. Membantah rayuan ini, pihak pendakwaan menarik perhatian mahkamah pada kes *PP lwn Lee Ngan Chea* ('kes *Lee Ngan Chea*') yang telah menolak permohonan jaminan seorang uzur berumur 70 tahun atas alasan jaminan hanya boleh diberi jika terdapat permohonan oleh Timbalan Pendakwa Raya ('TPR') bawah s. 13(2)(c) SOSMA untuk membebaskan pemohon atas jaminan dengan syarat dipasang dengan peranti pengawasan elektronik. E F G H I

Diputuskan (membenarkan permohonan)
Oleh Kamardin Hashim HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Seksyen 388(1) KTJ memperuntukkan keadaan apabila tertuduh yang dituduh dengan kesalahan yang tidak boleh dijamin boleh dilepaskan atas jaminan. Berdasarkan peruntukan ini, mahkamah mempunyai budi bicara membenarkan seorang tertuduh dibebaskan dengan jamin jika tertuduh tersebut seorang kanak-kanak bawah 16 tahun, seorang wanita atau seorang yang berpenyakit atau kurang upaya; kecuali jika mahkamah mempunyai alasan bahawa orang itu boleh disabitkan dengan kesalahan yang boleh membawa hukuman mati atau penjara seumur hidup. (perenggan 10 & 11)

(2) Peruntukan bawah s. 13 SOSMA cukup jelas, melalui sub-s. (2), bahawa peruntukan tersebut bukan satu halangan sepenuhnya terhadap jaminan. Seksyen 13 SOSMA sama seperti s. 388 KTJ; yang membezakan kedua-duanya cuma kekecualian terhadap pemakaian peruntukan itu diberi kepada tiga kategori orang yang sama bawah proviso s. 388(1) KTJ. Bawah SOSMA, kekecualian tersebut didapati dalam s. 13(2). Oleh itu, jaminan masih boleh diberi kepada tertuduh yang dituduh dengan kesalahan keselamatan jika syarat-syarat yang diperuntukkan bawah sub-s. (2) dipenuhi. Di samping itu, s. 13 SOSMA juga bukan peruntukan yang sememangnya tidak boleh dijamin. Dalam kata lain, kesalahan-kesalahan keselamatan adalah kesalahan yang terjumlah sebagai kesalahan tidak boleh jamin dan mahkamah masih mempunyai budi bicara membenarkan tertuduh dilepaskan atas jaminan jika syarat-syarat bawah sub-s. (2) dipenuhi. (perenggan 22)

(3) Pemohon telah mengemukakan laporan perubatan yang menunjukkan (i) dia menghidap penyakit kencing manis kronik hingga kaki kirinya dipotong pada paras bawah lutut; dan (ii) pemohon hanya boleh bergerak sama ada dengan topang ketiak dan/atau kerusi roda. Malah pemohon telah ke mahkamah dengan berkerusi roda. Berdasarkan laporan perubatan dan pemerhatian mahkamah, tiada keraguan bahawa pemohon seorang yang sakit dan cacat. (perenggan 28)

(4) Tiada keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan yang dapat menunjukkan pemohon berisiko melarikan diri dan akan mengganggu saksi-saksi jika dibebaskan atas jaminan. Permohonan pemohon, untuk jaminan sementara menunggu perbicaraan, dibenarkan dengan syarat: (i) jumlah RM25,000 dengan dua orang penjamin tempatan; (ii) semua dokumen perjalanan diserahkan ke mahkamah untuk simpanan; (iii) melapor diri ke balai polis berhampiran dengan tempat kediaman sekurang-kurangnya sekali dalam satu bulan; dan (iv) peranti pengesanan elektronik dipasang pada kaki pemohon. (perenggan 33 & 34)

(5) Dapatan dan keputusan dalam kes *Lee Ngan Chea* tidak disetujui kerana keputusan dalam kes ini seolah-olah meletakkan kuasa dan budi bicara berian jaminan pada TPR sedangkan kuasa ini terletak pada mahkamah. Perkataan-perkataan '… subject to an application by the Public Prosecutor …' dalam s. 13(2) SOSMA hanya satu syarat bahawa sebelum mahkamah membenarkan pemohon diberi jaminan, TPR boleh mengkehendaki agar orang itu dipasang dengan peranti pengawasan elektronik. Jika tafsiran dalam kes *Lee Ngan Chea* dipakai, peruntukan sub-s. (2) akan menjadi tidak berguna, sia-sia dan tidak logik. (perenggan 24)

English *Headnotes*

The applicant was initially charged at the Sessions Court and remanded following the commission of an offence under s. 130V(1) of the Penal Code, a non-bailable offence. When the charge against him was transferred to the High Court for trial, the applicant sought an order for discharge on bail, pursuant to ss. 388 and 389 of the Criminal Procedure Code ('CPC') and s. 13 of the Security Offences (Special Measures) Act 2012 ('SOSMA') pending trial. The applicant anchored on health issues to support his application by stating that (i) he suffered from chronic diabetes and high blood pressure, among other health concerns; (ii) before his arrest by the police, the applicant was undergoing treatment at Tung Shin Hospital; (iii) while in remand, his diabetic condition worsened and his left leg had to be amputated above knee level; (iv) the medical treatment that he was receiving while under remand was no match to the treatment at Tung Shin Hospital; and (v) the conditions of the prison's detention room worsened his condition. Objecting to the applicant's application, the respondent argued that (i) the charge against the applicant was a non-bailable offence under s. 13 of the SOSMA; (ii) the applicant had never filed an application under s. 13(2)(c) of the SOSMA; and (iii) the applicant failed to demonstrate that he fell under the category of 'sick or infirmed person'. The High Court dismissed the applicant's application. Hence the present appeal by the applicant. Opposing the appeal, the prosecution drew the court's attention to the case of *PP v. Lee Ngan Chea* ('*Lee Ngan Chea* case') where the application for bail by an ailing 70 year-old was dismissed on the ground that the said bail could only be granted if there was an application by the Deputy Public Prosecutor ('DPP') under s. 13(2)(c) of the SOSMA to discharge the applicant on bail with the condition that an electronic monitoring device is attached.

Held (allowing application)
Per Kamardin Hashim JCA delivering the judgment of the court:

(1) Section 388(1) of the CPC provided instances where an accused who is charged with a non-bailable offence could be discharged on bail. Based on this provision, the court is seized with the discretion to allow an

A accused to be discharged on bail if the accused is a child under the age of 16, a female or is sick or an infirm person; unless the court has its own reason that the said person could be convicted for an offence that could lead to mandatory death or lifetime imprisonment.

(2) The provision under s. 13 of the SOSMA clearly provided, under sub-
B s. (2), that the said provision was not a total bar to bail. Section 13 of the SOSMA is akin to s. 388 of the CPC; the only thing that distinguishes the two is the application of the provision is divided into three categories of the same person under the proviso of s. 388(1) of the CPC. Under SOSMA, the exception could be found in s. 13(2).
C Therefore, bail could be granted to the accused charged with security offences if the conditions provided under sub-s. (2) are fulfilled. In addition to that, s. 13 of the SOSMA is also not a provision that is totally non-bailable. In other words, security offences are non-bailable offences and the court still has the discretion to allow the accused to be
D discharged on bail if the conditions under sub-s. (2) are met.

(3) The applicant submitted a medical report to show (i) he suffered from chronic diabetes until his left leg had to be amputated at knee level; and (ii) the applicant could only move using crutches and/or wheelchair. In fact, the applicant came to court with a wheelchair. Based on the
E medical report and the court's observation, there was no doubt that the applicant was a sick and handicapped person.

(4) There was no evidence by the prosecution which demonstrated that there was a risk of the applicant fleeing or that he would tamper with the witnesses if he is discharged on bail. The applicant's application for
F bail pending trial was allowed with conditions (i) of RM25,000 by two local sureties; (ii) that all travelling documents are surrendered to the court for safekeeping; (iii) that the applicant report to the police station nearest to his residence at least once a month; and (iv) an electronic monitoring device is attached to the applicant's leg.

G **(5)** The court did not agree with the findings and decision in *Lee Ngan Chea*'s case as the said decision gave the impression that the power and discretion relating to the granting of bail laid in the hands of the DPP when, in actual fact, this power belongs to the court. The words '… subject to an application by the Public Prosecutor …' in s. 13(2) of the
H SOSMA is only a condition that, before the court could allow bail on an applicant, the DPP can require him to be attached with an electronic monitoring device. If the interpretation in *Lee Ngan Chea*'s case is applied, the provision of sub-s. 2 would be rendered futile, illogical and of no effect.

I

Kes-kes yang dirujuk:
Che Su Daud v. PP [1978] 1 LNS 23 HC ***(dirujuk)***
Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP [1999] 1 CLJ 537 CA ***(dirujuk)***
Kashiram & Ors v. State of Madya Pradesh AIR 1960 Madh Pra 312 ***(dirujuk)***
King Emperor v. Nga San Htwa AIR 1927 Rangoon 205 ***(dirujuk)***
Leow Nyok Chin v. PP [1999] 1 CLJ 647 HC ***(dirujuk)***
PP v. Dato' Balwant Singh [2002] 4 CLJ 155 HC ***(dirujuk)***
PP v. Latchemy [1967] 1 LNS 126 HC ***(dirujuk)***
PP lwn. Lee Ngan Chea [2015] 6 CLJ 117 HC ***(dirujuk)***
PP v. Wee Swee Siang [1948] 1 LNS 49 HC ***(dirujuk)***
Re KS Menon [1946] 1 LNS 26 HC ***(dirujuk)***
Regina v. Ooi Ah Kow [1952] 1 LNS 112 CA ***(dirujuk)***
Soo Shiok Liong v. PP [1993] 2 CLJ 657 HC ***(dirujuk)***
State of Rajasthan, Jaipur v. Balachand @ Baliay [1977] AIR 2447 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants Act 2007, ss. 26A, 26B, 26C, 26D, 26E, 26F, 26G, 26H, 26I, 26J, 26K
Criminal Procedure Code, ss. 388(1), 388A, 389
Penal Code, ss. 130C, 130D, 130E, 130F, 130FA, 130FB, 130G, 130H, 130I, 130J, 130JA, 130JB, 130JC, 130JD, 130K, 130L, 130M, 130N, 130O, 130P, 130Q, 130QA, 130R, 130S, 130T, 130V(1), 130W, 130X, 130Y, 130Z, 130ZA, 130ZB, 302
Rules of the Court of Appeal 1994, r. 72(4)
Security Offences (Special Measures) Act 2012, s. 13(2)(c), First Schedule

Bagi pihak pemohon - Zamani Ibrahim; T/n Zamani Ibrahim
Bagi pihak responden - Hamdan Hamzah; TPR

[Nota Pengarang: Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Shah Alam; Perbicaraan Jenayah No: BA-4-109-04-2018 (overruled).]

[Nota Pengarang: Mahkamah Rayuan dalam kes ini memutuskan kes Mahkamah Tinggi PP v. Lee Ngan Chea terkhilaf dalam memutuskan jaminan hanya boleh diberi apabila permohonan dibuat oleh Pendakwa Raya bawah s. 13(2)(c) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas 2012). Budi bicara membenarkan jaminan tidak terletak pada Pendakwa Raya.]

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Kamardin Hashim HMR:

[1] Melalui notis usul di kandungan 4 bertarikh 22 Jun 2016, pemohon, Raman a/l Shunmugham membuat permohonan untuk mendapatkan perintah-perintah yang berikut:

(i) Beliau dilepaskan dengan jaminan bawah ss. 388 dan 389 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') dan s. 13 Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 ('SOSMA').

(ii) Lain-lain perintah atau arahan yang dianggap patut dan wajar.

[2] Alasan-alasan bagi permohonan itu dinyatakan dalam afidavit sokongan yang telah diikrarkan oleh isteri pemohon, S.L. Komalatebi a/p Lecmanan bertarikh 4 Jun 2018 (kandungan 3) yang difailkan bersama dengan notis usul tersebut. Alasan utama permohonan pemohon untuk

mendapatkan perintah yang dipohon berdasarkan faktor kesihatan. Pemohon menghidap penyakit kencing manis yang teruk di samping menghadapi masalah penyakit darah tinggi dan beberapa masalah kesihatan yang lain. Sebelum ditangkap oleh pihak polis, pemohon sedang menerima rawatan dari Hospital Tung Shin, Jalan Pudu, Kuala Lumpur. Akibat dari penyakit kencing manis, ibu jari kaki kiri pemohon telah dipotong.

[3] Deponen seterusnya menyatakan bahawa pemohon telah ditangkap oleh pihak polis pada 3 Mei 2017 jam lebih kurang 5 pagi oleh satu pasukan polis ketika sedang berada di rumah kediamannya di alamat No. 19, Jalan 25/10, Taman Koperasi Polis, Fasa 1, 68100 Batu Caves, Selangor. Turut ditangkap bersama, anak pemohon, Kannan a/l Raman. Pemohon dan anaknya telah kemudiannya dihadapkan ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur atas satu pertuduhan kerana menjadi ahli kumpulan jenayah terancang Geng 360 Devan, bawah s. 130V(1) Kanun Keseksaan.

[4] Deponen turut menyatakan bahawa semasa pemohon berada dalam tahanan reman di Penjara Sungai Buloh, keadaan penyakit kencing manis pemohon menjadi semakin teruk. Akibatnya, kaki kiri pemohon terpaksa dipotong. Pada mulanya dipotong pada paras atas pergelangan kaki (left transmetatarsal amputation) pada 9 Disember 2017 dan kemudiannya diikuti pemotongan pada paras bawah lutut (left below knee amputation) pada 19 Disember 2017. Pemohon tidak menyangkal ada mendapat rawatan perubatan ketika dalam tahanan reman, walau bagaimanapun rawatan yang diberi tidak setara dengan rawatan dari Hospital Tung Shin atau lain-lain hospital di luar penjara. Pemohon juga menyatakan keadaan dalam bilik tahanan penjara telah menyebabkan penyakitnya bertambah teruk. Pemohon telah mengemukakan kesemua laporan perubatan yang berkenaan seperti dilampirkan kepada afidavit sokongan sebagai eksh. C, D, E dan F.

[5] Pemohon telah memohon di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi untuk dibebaskan dengan jaminan sementara menunggu perbicaraan. Permohonan pemohon bagaimanapun telah ditolak pada 24 Mei 2018. Pemohon kemudiannya telah memfailkan permohonan untuk diberikan jamin di hadapan kami.

[6] Pihak responden membantah permohonan pemohon dan telah memfailkan afidavit jawapan responden yang telah diikrarkan oleh ASP Mohd Zulhissam bin Zakaria, pegawai penyiasat kes. Asas bantahan pihak responden ialah bahawa pertuduhan yang dihadapi oleh pemohon satu kesalahan yang tidak boleh diberi jamin (unbailable offence) di bawah s. 13 SOSMA. Bantahan kedua dikatakan bahawa pemohon tidak pernah membuat permohonan di bawah s. 13(2)(c) SOSMA. Bantahan ketiga responden menyatakan bahawa pemohon telah gagal untuk membuktikan dia seorang yang terjumlah kepada 'sick or infirm person'.

[7] Kami telah mendengar permohonan pemohon pada 13 Ogos 2018. Setelah meneliti kertas kausa yang difailkan, mendengar hujahan pihak-pihak dan meneliti peruntukan undang-undang serta nas-nas, kami dengan sebulat suara mendapati bahawa terdapat merit dalam permohonan pemohon. Oleh itu kami telah membenarkan permohonan pemohon dengan mengenakan syarat-syarat jaminan yang ketat. Alasan kami membenarkan permohonan pemohon adalah seperti berikut.

[8] Sebagai latar belakang fakta, pemohon telah pada mulanya dipertuduhkan di Mahkamah Sesyen Kajang dengan satu pertuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu, di antara 1 Januari 2015 hingga 7 Februari 2017, di alamat MV Empayer Sdn Bhd, No. 1-B, Jalan Perniagaan Masria 1, Pusat Perniagaan Masria, Batu 9, Cheras, di dalam daerah Hulu Langat, di dalam Negeri Selangor, telah didapati menjadi ahli kumpulan jenayah terancang "Geng 360 Devan". Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 130V(1) Kanun Keseksaan (Akta 574) dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

[9] Jika disabitkan dengan kesalahan yang dipertuduhkan tersebut, pemohon boleh dihukum dengan kesalahan pemenjaraan untuk suatu tempoh yang tidak kurang daripada lima tahun dan tidak melebihi 20 tahun. Tidak dapat disangkal bahawa pemohon telah dihadapkan dengan satu pertuduhan yang sememangnya tidak boleh dijamin (non-bailable offence).

[10] Walaupun begitu, s. 388(1) KTJ memperuntukkan keadaan di mana tertuduh yang dipertuduhkan dengan kesalahan yang tidak boleh dijamin boleh dilepaskan atas jaminan. Seksyen 388(1) KTJ memperuntukkan seperti berikut:

> 388(1) When any person accused of any non-bailable offence is arrested or detained without warrant by a police officer or appears or is brought before a Court, he may be released on bail by the officer in charge of the police district or by the Court, but he shall not be so released if there appears reasonable grounds for believing that he has been guilty of an offence punishable with death or imprisonment for life:
>
> > Provided that the Court may direct that any person under the age of sixteen years or any woman or any sick or infirm person accused of such an offence be released on bail.•

[11] Dari pembacaan kami terhadap peruntukan s. 388(1) dan proviso di bawahnya, mahkamah masih mempunyai budi bicara untuk membenarkan seseorang tertuduh dibebaskan dengan jamin sekiranya tertuduh itu seorang kanak-kanak berusia bawah dari 16 tahun atau dia seorang wanita ataupun dia seorang yang mengalami penyakit atau kurang upaya kecuali sekiranya mahkamah itu mempunyai alasan bahawa orang itu boleh disabitkan dengan kesalahan yang boleh membawa hukuman mati atau penjara seumur hidup.

[12] Pemohon telah memfailkan permohonan untuk jaminan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi setelah pertuduhan terhadapnya telah dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Shah Alam untuk perbicaraan dijalankan. Permohonan pemohon telah didengar dan ditolak. Permohonan pemohon ke Mahkamah Rayuan dibuat selaras dengan bidang kuasa mahkamah ini menurut k. 72(4) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994 yang memperuntukkan seperti berikut:

> 72(4) In the case of an application to discharge or vary any order of a Judge refusing any extension of time or **refusing bail** such application shall be made in Form 10 in the First Schedule and shall for all the purposes of these Rules be deemed to be a Notice of Motion. (penekanan ditambah)

[13] Berdasarkan kepada k. 72(4) yang kami petik di atas, mahkamah ini mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan permohonan untuk jaminan yang ditolak oleh mahkamah bawahan. Kuasa mahkamah ini termasuklah untuk mengubah apa-apa keputusan mahkamah bawahan mengenai permohonan untuk jaminan. Walau bagaimanapun, kami sedar akan prinsip undang-undang mantap yang menyatakan bahawa perkara berkaitan dengan jaminan (bail) berada di bawah bidang kuasa dan budi bicara (discretion) mahkamah bawahan atau mahkamah perbicaraan. Namun, itu tidak bermakna menolak atau menafikan bidang kuasa serta budi bicara mahkamah ini dalam perkara berkaitan dengan jamin sebagaimana diperuntukkan bawah k. 72(4) di atas.

[14] Kami turut sedar dan berpegang kepada prinsip mantap bahawa mahkamah ini dalam melaksanakan bidang kuasanya tidak wajar mengganggu atau mengubah keputusan mahkamah bawahan atau mahkamah perbicaraan berkaitan dengan jaminan dengan sewenang-wenangnya. Campur tangan mahkamah ini hanya diperlukan (warranted) apabila mahkamah bawahan atau mahkamah perbicaraan telah dengan jelas melakukan kesilapan dari segi undang-undang mahupun dari segi fakta (error of law and fact).

[15] Undang-undang mengenai pemberian jaminan kepada seseorang tertuduh yang dipertuduhkan atas kesalahan yang tidak boleh dijamin telah digariskan oleh Hakim Augustine Paul (ketika itu) dalam kes *PP v. Dato' Balwant Singh (No. 1)* [2002] 4 CLJ 155 di ms. 159-160:

> The applicable provision would therefore be s. 388(1). *The general principle underlying the section is that bail may be granted at the discretion of the court in non-bailable offences. A qualification has been made in the case of offences punishable with death and life imprisonment whereby bail shall not be granted if there appears reasonable grounds for believing that the accused is guilty of such offences. It follows that where there are no reasonable grounds, bail can be granted even in such cases at the discretion of the court. The restriction that has been imposed does not apply to the instances enumerated in the proviso to s 388(1) with the result that bail may*

> *be granted at the discretion of the court. Where an application for bail is made in a case punishable with, inter alia, death, the court must first determine whether the proviso is applicable. The resultant matter for determination is whether the court should grant bail in the exercise of its discretion.* It is superfluous to state that where the proviso applies, the accused is not entitled to bail as of right but only at the discretion of the court as in the case of other non-bailable offences. (penekanan ditambah)

[16] Dalam kes terawal, *Leow Nyok Chin v. PP* [1999] 1 CLJ 647; [1999] 1 MLJ 437, Pesuruhjaya Kehakiman Clement Skinner (ketika itu) telah memutuskan bahawa halangan yang diperuntukkan di bawah s. 388(1) tidak terpakai sekiranya pemohon terjumlah kepada kategori orang yang disebutkan dalam proviso. Di ms. 652-653 (CLJ); ms. 443 (MLJ), Pesuruhjaya Kehakiman itu menyatakannya seperti berikut:

> I find, however, that in considering whether or not to grant bail in this particular case, I need not decide on the competing contentions of the parties on this point because it is my reading of the above subsection that *the prohibition imposed on the court to the granting of bail by the words 'but he shall not be so released if there appears reasonable grounds for believing that he has been guilty of an offence punishable with death or imprisonment for life' would not apply where the person accused of such an offence is a person below 16 years of age, a woman or is sick or infirm. The proviso to s. 388(1) of the CPC confers upon the court in clear and unambiguous terms a discretion, in the instances mentioned, to consider the grant of bail notwithstanding that the person is charged with an offence punishable with death or life imprisonment. There is nothing in the section to suggest that the words of the proviso are not to be given effect to in their plain ordinary meaning.* (penekanan ditambah)

[17] Sebelum melaksanakan kuasa budi bicaranya untuk membenarkan jaminan, mahkamah hendaklah melaksanakan kuasa budi bicara itu secara 'sparingly and judiciously' setelah berpuas hati wujudnya satu keadaan yang khas dan istimewa (special and exceptional circumstances). Prinsip ini telah dimulakan dalam kes *Re K.S. Menon* [1946] 1 LNS 26; [1946] 1 MLJ 49 dan kes *Regina v. Ooi Ah Kow* [1952] 1 LNS 112; [1952] 1 MLJ 95.

[18] Prinsip yang sama telah diikuti dalam kes *PP v. Latchemy* [1967] 1 LNS 126; [1967] 2 MLJ 79, Hakim Pawan Ahmad menyatakan berikut:

> The general rule under section 388(v) of the Criminal Procedure Code is that the court should not grant bail to a person charged with an offence punishable with death. *One of the exceptions to this rule is that the court may grant bail to a woman accused. In my view this exception is a discretion which should be exercised sparingly and judiciously depending on the reasons of each particular case.* Spenser Wilkinson J. in the case of *R v. Ooi Ah Kow* [1952] MLJ 95 at page 97 states as follows:

A

> Again, following the case of *Re K.S. Menon, I was of the opinion that in cases punishable with death and in cases punishable with penal servitude for life the High Court ought not to grant bail, except for exceptional and very special reasons.*
>
> *The criterion by which a magistrate should allow bail in cases of this type, in my view, is only in those cases where he is convinced that the reasons put forward by the applicant are said to be exception and very special reasons.•* (penekanan ditambah)

B

[19] Hakim A.J. Bostock-Hill dalam *Re K.S. Menon* (*supra*) telah bergantung kepada keputusan kes di India, *King Emperor v. Nga San Htwa* AIR 1927 Rangoon 205. Dalam kes *K.S. Menon* (*supra*), hakim itu memutuskan seperti berikut:

C

> This has been held by a Full Bench in India to give the High Court absolute discretion in granting bail, free from the limitations of the discretion prescribed by section 388. (see *King Emperor v. Nga San Htwa* ILR 5 Rangoon 276, and *King Emperor v. Joglekar* ILR 54 Allahabad 115). I respectfully agree with this ruling. Also in the first of the above two cases, Rugledge CJ says,
>
> *Though the discretion is absolute the High Court must exercise it judicially, and since the Legislature has chosen to entrust the initial stage of dealing with questions of bail to Magistrates and while giving Magistrates an unfettered discretion of granting of bail in all cases except two classes, i.e. cases punishable with death and cases punishable with transportation for life, the High Court ought not to grant bail in such cases except for exceptional and very special reasons.*

D

E

F

> *Accordingly I hold that I have discretion to grant bail in this case* (probably I have it anyhow under Rule 10(2) of the Military Courts Procedure Rules) *but that, exercising it judicially, I should not (except for exceptional and very special reasons) grant bail, if there appear reasonable grounds for believing that the accused has been guilty of an offence punishable with death or with penal servitude for life.•* (penekanan ditambah)

G

[20] Dalam kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP* [1999] 1 CLJ 537; [1999] 1 MLJ 321 mahkamah ini melalui NH Chan, HMR telah membezakan kesalahan yang 'non-bailable' dengan 'unbailable'. Dalam keadaan kesalahan 'non-bailable', mahkamah masih mempunyai budi bicara untuk membenarkan jamin. Manakala 'unbailable', pemberian jamin dihalang oleh statut. Di ms. 546 (CLJ); ms. 327 (MLJ) kes itu, mahkamah ini menyatakannya:

H

> Even though s. 388(i) refers to non-bailable offences, bail is not to be refused just because the offence is said to be non-bailable. **'… the term 'non-bailable' is not equivalent to the term "unbailable" which means bail is absolutely prohibited.** In the CPC, s. 388 provides for the grant or refusal of bail in non-bailable offences' (Mimi Kamariah Majid and Lee Oi Kuan, *Malaysian Law on Bail*, (1986) at p 36). (penekanan ditambah)

I

[21] Nas-nas yang dirujuk di atas kesemuanya berkaitan dengan peruntukan s. 388 KTJ yang melibatkan kesalahan 'non-bailable'. Kami berpandangan prinsip yang sama juga terpakai terhadap kes pemohon di hadapan kami. Kami tidak bersetuju dengan hujahan Tuan Timbalan Pendakwa Raya terpelajar ('Tuan TPR') bahawa pertuduhan terhadap pemohon adalah kesalahan yang tidak boleh dijamin (unbailable) kerana dihalang di bawah s. 13 SOSMA. Untuk itu, kami merujuk kepada s. 13 SOSMA yang memperuntukkan seperti berikut:

> 13(1) Bail shall not be granted to a person who has been charged with a security offence.
>
> (2) Notwithstanding subsection (1):
>
> (a) a person below the age of eighteen years;
>
> (b) a woman; or
>
> (c) a sick or an infirm person,
>
> charged with a security offence, other than offence under Chapter VIA of the Penal Code [Act 574], may be released on bail subject to an application by the Public Prosecutor that the person be attached with an electronic monitoring device in accordance with the Criminal Procedure Code.•

[22] Melalui pembacaan kami, peruntukan di bawah s. 13 SOSMA cukup jelas melalui sub-s. (2) bahawa peruntukan itu bukanlah satu halangan secara total terhadap jaminan. Sebaliknya, kami berpandangan peruntukan s. 13 SOSMA tidak ubahnya sama seperti peruntukan bawah s. 388 KTJ. Apa yang membezakan hanyalah kekecualian terhadap pemakaian peruntukan itu diberikan kepada tiga kategori orang yang sama bawah proviso bagi s. 388(1) KTJ. Manakala bagi SOSMA, kekecualian itu terdapat bawah sub-s. (2), s. 13 SOSMA. Oleh itu, pandangan kami jaminan masih boleh diberikan kepada tertuduh yang dipertuduhkan dengan kesalahan keselamatan sekiranya syarat-syarat yang diperuntukkan bawah sub-s. (2) dipenuhi. Oleh itu juga, s. 13 SOSMA bukanlah peruntukan yang sememangnya tidak boleh diberi jamin (unbailable). Dengan kata lain, kesalahan-kesalahan keselamatan (security offences) adalah kesalahan yang terjumlah kepada kesalahan 'non-bailable' di mana mahkamah masih mempunyai budi bicara untuk membenarkan tertuduh dilepaskan atas jaminan sekiranya syarat-syarat di bawah sub-s. (2) dipenuhi.

[23] Tuan TPR telah menarik perhatian kami kepada keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes *PP lwn. Lee Ngan Chea* [2015] 6 CLJ 117. Dalam kes itu, Pesuruhjaya Kehakiman Abu Bakar Katar (ketika itu) telah menolak permohonan pemohon untuk diberi jamin walaupun pemohon seorang yang uzur dan telah berusia 70 tahun. Alasan utama penolakan itu

kerana Pesuruhjaya Kehakiman tersebut berpandangan bahawa jamin hanya boleh diberikan jika terdapat permohonan dari Timbalan Pendakwa Raya di bawah s. 13(2)(c) SOSMA untuk membebaskan pemohon atas jaminan dengan syarat dipasang dengan peranti pengawasan elektronik (electronic monitoring device).

[24] Dengan hormatnya kami tidak dapat bersetuju dengan dapatan dan keputusan Pesuruhjaya Kehakiman dalam kes *Lee Ngan Chea* (*supra*) tersebut. Dapatan dan pandangan serta keputusan Pesuruhjaya Kehakiman itu seolah-olahnya meletakkan kuasa dan budi bicara untuk jaminan diberikan kepada Timbalan Pendakwa Raya sedangkan kuasa itu sepatutnya berada pada mahkamah. Melalui pembacaan kami, perkataan-perkataan "... subject to an application by the Public Prosecutor ..." hanyalah salah satu syarat bahawa sebelum mahkamah membenarkan pemohon diberikan jaminan, Timbalan Pendakwa Raya boleh menghendaki orang itu dipasang dengan peranti pengawasan elektronik. Sekiranya tafsiran oleh Pesuruhjaya Kehakiman itu dipakai, peruntukan sub-s. (2) akan menjadi tidak berguna, sia-sia dan tidak lojik (absurd).

[25] Pemohon dalam kes *Lee Ngan Chea* (*supra*) telah dihadapkan dengan satu pertuduhan bawah s. 26J Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM). Kesalahan ini tersenarai di bawah Jadual Pertama SOSMA. Jadual pertama menetapkan kesalahan-kesalahan keselamatan merangkumi kesalahan-kesalahan yang berikut:

> Penal Code [Act 574]:
>
> (i) Offences under Chapter VI
>
> (ii) Offences under Chapter VIA
>
> (iii) Offences under Chapter VIB
>
> Offences under Part IIIA (sections 26A-26K), Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants Act 2007 [Act 670].
>
> Special Measures Against Terrorism in Foreign Countries Act 2015 [Act 770].•

[26] Berdasarkan peruntukan s. 13, hanya kesalahan-kesalahan yang tersenarai di bawah Bab VIA Kanun Keseksaan yang dihalang sama sekali untuk diberi jamin (unbailable). Jika kita melihat kesalahan-kesalahan di bawah Bab VIA, kesalahan-kesalahan tersebut melibatkan pengganas dan keganasan. Ini bermakna tidak semua kesalahan keselamatan, mahkamah tidak ada kuasa budi bicara untuk membenarkan jamin. Selain kesalahan-kesalahan bawah Bab VIA Kanun Keseksaan, mahkamah masih mempunyai kuasa budi bicara untuk membenarkan jamin sekiranya pra-syarat di bawah sub-s. (2) s. 13 dipenuhi. Ini termasuklah bagi kesalahan yang terdapat di bawah ATIPSOM (ss. 26A-26K) dan juga kesalahan di mana pemohon di hadapan kami telah dipertuduhkan (s. 130V(1) Kanun Keseksaan).

[27] Kesalahan-kesalahan yang 'unbailable' di bawah Bab VIA Kanun Keseksaan termasuklah semua kesalahan di bawah ss. 130C hingga 130T. Manakala kesalahan menjadi ahli kumpulan penjenayah terancang tersenarai di bawah Bab VIB Kanun Keseksaan meliputi kesalahan di bawah s. 130V Kanun Keseksaan (di bawah kesalahan di mana pemohon telah dipertuduhkan) serta kesalahan-kesalahan di bawah ss. 130W, 130X, 130Y, 130Z, 130ZA dan 130ZB. Kesemua kesalahan-kesalahan tersebut melibatkan jenayah terancang atau melibatkan kumpulan jenayah terancang (organised crime). Oleh itu kesalahan di mana pemohon telah dipertuduhkan bukanlah suatu kesalahan yang 'unbailable' sebagaimana dihujahkan oleh Tuan TPR.

[28] Isu bantahan ketiga Tuan TPR ialah bahawa pemohon telah gagal untuk menunjukkan keadaan khas atau istimewa untuk dia dibenarkan dibebaskan atas jamin sementara menunggu perbicaraan. Keadaan khas atau istimewa dalam kes pemohon berasas kepada fakta bahawa pemohon seorang yang "sick or infirm person". Tuan TPR berhujah bahawa tiada bukti dikemukakan menunjukkan pemohon seorang yang sakit atau seorang yang cacat (infirm). Kami mendapati hujahan Tuan TPR atas isu ini jauh tersasar dan tidak dapat diterima. Pertamanya, pemohon telah mengemukakan melalui afidavit sokongan segala laporan perubatan yang menunjukkan bahawa pemohon menghidap penyakit kencing manis yang kronik sehingga kaki kirinya telah dipotong pada paras bawah lutut. Keduanya, pemohon telah dibawa ke hadapan kami dengan menggunakan kerusi roda (wheelchair). Laporan perubatan mengesahkan bahawa pemohon hanya boleh bergerak sama ada dengan menggunakan topang ketiak (crutches) dan/atau kerusi roda. Kami dengan ini menerima keterangan laporan perubatan dan melalui pemerhatian kami sendiri bahawa tiada keraguan menunjukkan bahawa pemohon adalah seorang yang sakit dan cacat.

[29] Kami akur bahawa mahkamah ini tidak seharusnya campur tangan terhadap kuasa budi bicara mahkamah bawahan dalam menolak permohonan jaminan. Kami juga diingatkan dengan prinsip mantap bahawa campur tangan mahkamah atasan hanya boleh berlaku sekiranya daripada rekod jelas menunjukkan bahawa hakim bicara telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila menolak permohonan pemohon. Kami kesal kerana tidak dibekalkan dengan alasan penghakiman hakim bicara menolak permohonan pemohon. Melalui keterangan afidavit menunjukkan penolakan hakim bicara berdasarkan kepada satu alasan sahaja iaitu bahawa kesalahan di bawah s. 130V(1) Kanun Keseksaan satu kesalahan yang sememangnya tidak boleh diberikan jaminan (unbailable). Isu ini telah kami jawab dan huraikan di awal penghakiman ini.

[30] Kami ringkaskan kekhilafan fakta oleh hakim bicara berlaku apabila gagal menimbangkan bahawa pemohon seorang yang sakit dan cacat. Oleh itu pemohon seorang yang terjumlah kepada orang-orang yang mendapat pengecualian di bawah s. 13(2)(c) SOSMA. Kami di awal penghakiman ini juga telah membuat dapatan bahawa tidak lojik untuk pemohon membuat permohonan dan mendapat kelulusan daripada Tuan TPR terlebih dahulu untuk mendapatkan pengecualian tersebut. Ini adalah kekhilafan undang-undang dalam keputusan hakim bicara selain dari dapatan bahawa kekhilafan hakim bicara menyatakan kesalahan di bawah s. 130V(1) SOSMA sebagai satu kesalahan yang 'unbailable'.

[31] Dalam kes *Samirah binti Muzaffar v. PP*, keputusan terbaru Mahkamah Persekutuan telah membenarkan permohonan tertuduh dibebaskan atas jaminan atas alasan tertuduh seorang perempuan yang sedang menjaga anak kecil dan tiada terdapat keterangan bahawa tertuduh akan melarikan diri atau mengganggu saksi-saksi sekiranya dibebaskan atas jaminan. Dalam kes itu tertuduh telah dipertuduhkan atas satu kesalahan membunuh suaminya, kesalahan bawah s. 302 Kanun Keseksaan yang boleh membawa kepada hukuman mati. Kesalahan terhadap tertuduh itu jauh lebih serius daripada pertuduhan yang sedang dihadapi oleh pemohon di hadapan kami.

[32] Dalam nas-nas sebelum ini melibatkan pertuduhan yang tidak boleh dijamin (non-bailable), mahkamah telah melaksanakan kuasa budi bicara dan membenarkan tertuduh dibebaskan atas jamin atas pelbagai alasan. Kes-kes itu termasuklah:

(i) *Samirah binti Muzaffar v. PP* (*supra*);

(ii) *Che Su binti Daud v. PP* [1978] 1 LNS 23; [1978] 2 MLJ 162;

(iii) *PP v. Dato' Balwant Singh (No. 1)* (*supra*);

(iv) *PP v. Wee Swee Siang* [1948] 1 LNS 49; [1948] MLJ 114;

(v) *Soo Shiok Liong v. PP* [1993] 2 CLJ 657; [1993] 2 MLJ 381;

(vi) *State of Rajasthan, Jaipur v. Balachand @ Baliay* [1977] AIR 2447; dan

(vii) *Kashiram & Ors v. State of Madya Pradesh* AIR 1960 Madh. Pra. 312.

[33] Dalam kes di hadapan kami, tiada keterangan ditampilkan oleh pihak pendakwaan yang dapat menunjukkan bahawa pemohon akan berisiko untuk melarikan diri (flight risk) dan tiada juga keterangan menunjukkan terdapat kemungkinan pemohon akan mengganggu saksi-saksi (witness tempering) sekiranya pemohon dibebaskan atas jamin.

[34] Atas alasan-alasan yang kami sebutkan di atas, kami telah membenarkan permohonan pemohon untuk diberikan jaminan sementara menunggu perbicaraan atas syarat-syarat berikut:

(i) jumlah RM25,000 dengan dua orang penjamin tempatan;

(ii) semua dokumen perjalanan diserahkan ke mahkamah untuk simpanan;

(iii) melapor diri ke balai polis berhampiran dengan tempat kediaman sekurang-kurang sekali dalam satu bulan; dan

(iv) peranti pengesanan elektronik di bawah s. 388A KTJ dipasang di kaki pemohon.